

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 25 OGOS 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk menjelaskan bagaimanakah RM1 juta yang diderma oleh Syarikat ECK Development Sdn Berhad kepada persatuan yang dibentuk oleh Menteri, **Penggerak Komuniti Negara**, telah digunakan dan apakah langkah yang diambil bagi membendung sumbangan sebegini yang menimbulkan isu “*conflict of interest*”.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggubal Dasar Komuniti Negara dengan tujuan untuk mendaya upaya komuniti supaya terlibat secara aktif dalam usaha penggunaan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan. Sejumlah 98 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 124 rakan strategik yang memberi manfaat kepada 10,575 peserta.
2. Sehingga 8 Julai 2020, sumbangan daripada rakan strategik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi program di bawah Dasar Komuniti Negara adalah dalam bentuk *in-kind* sahaja berkonsepkan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan tidak melibatkan sumbangan berbentuk tunai.
3. Penggerak Komuniti Negara adalah sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berfungsi secara sendiri dan Kementerian tidak terlibat dalam penerimaan sumbangan berjumlah RM1 juta tersebut.

Sekian, terima kasih.